

# **Program “Softskills and Leadership Camp” Siri II bersama Universiti Thaksin, Thailand**

**12 Mei 2008** -- Program “Softskills and Leadership Camp” Siri II antara UniMAP dan Universiti Thaksin bermula pada hari ini dan telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Brog. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin di Dewan Keikhlasan pagi ini. Program ini diadakan di kedua-dua buah negara yang berjiran ini iaitu di Malaysia dan Thailand. Asst. Prof. Dr. Sompob Intasuan, Naib Presiden Akademik, turut hadir di majlis perasmian program tersebut mewakili Presiden universiti Thaksin. Delegasi daripada Universiti Thaksin terdiri daripada Dr. Wallapa Kotchapakdee, Assoc. Prof. Dr. Preman Tepsongkroh, Asst. Prof. Nathapong Jitniratna dan En. Supakarn Siripaisan.

Program ini bertujuan membentuk keyakinan diri dalam diri pelajar bagi menempuh globalisasi dunia yang penuh dengan cabaran. Ia telah pun dimulakan sejak tahun lepas lagi. Program ini dianjurkan oleh Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (PHEA). Maklumbalas yang diterima daripada program siri 1 amatlah memberangsangkan, yang mana 95% daripada peserta telah menambah baik kemahiran mereka dalam aspek kemahiran interpersonal, komunikasi, kepimpinan dan juga Bahasa Inggeris. Di samping itu, mereka menyatakan bahawa mereka juga mempunyai lebih keyakinan diri untuk berinteraksi berbanding sebelum ini.

Universiti Thaksin adalah salah satu universiti di Selatan Thai yang telah menjalinkan kerjasama erat dengan UniMAP dalam pelbagai bidang kerjasama. Universiti lain di Selatan Thailand yang mempunyai kerjasama dengan UniMAP ialah Prince of Songkla University, Hatyai University dan Walailak University.